

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk membina satu pusat kanser di Kedah, dan sekiranya ya, berikan butiran penuh mengenai rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya mempunyai perancangan untuk membina sebuah pusat kanser bagi Wilayah Utara. Tapak cadangan adalah di tanah milik KKM di Aman Jaya, Sungai Petani, Kedah. Permohonan bagi melaksanakan projek ini telah dikemukakan di dalam RP2 RMK11 dan tertakluk kepada kelulusan Unit Perancangan Ekonomi, JPM.